


S1. Bagaimanakah cara untuk saya mengakses eCCRIS selepas mendaftar di BNMLINK Kuala Lumpur/Pejabat BNM/Cawangan AKPK dan sudah menerima PIN yang dihantar ke telefon mudah alih saya yang didaftarkan?

1.1. Sila ikuti arahan berikut:

- (i) Log masuk ke alamat <https://eccris.bnm.gov.my> menggunakan pelayar Internet Explorer 11 atau Google Chrome
- (ii) Klik “Log Masuk Kali Pertama”



1.2. Pada laman “Log Masuk Kali Pertama”

- (i) Pilih “Kewarganegaraan” daripada senarai yang disediakan
- (ii) Sila isi maklumat:
 - Nombor ID (12 digit MyKad/nombor Kad Pengenalan atau nombor Passport)
 - Nombor PIN (6 digit kod yang dihantar ke nombor telefon mudah alih pengguna yang didaftarkan untuk pengaktifan akaun eCCRIS)


(iii) Klik butang “Hantar”

The screenshot shows the 'Log Masuk Kali Pertama' (First Time Login) page on the Bank Negara Malaysia website. The page has a blue header with the bank's logo and name. Below the header, there is a red heading 'Log Masuk Kali Pertama'. The main content area is a grey box containing the login form. The form has the following fields: 'Kewarganegaraan' (Country) with a dropdown menu showing 'Malaysia'; 'Nombor ID' (ID Number) with a text input field; and 'PIN' with a text input field. Below the form are two buttons: 'Hantar' (Send) and 'Satal' (Cancel). A red arrow points to the 'Hantar' button, and another red arrow points to the 'Nombor ID' field. At the bottom of the page, there is a footer with links for 'Syarat Penggunaan', 'Kenyataan Privasi', 'Dasar Keselamatan', and 'Penaafian', along with a copyright notice for 2017 Bank Negara Malaysia and social media icons.

1.3. Tetapkan ID Pengguna/Kata Laluan


- (i) Masukkan ID Pengguna anda untuk mengakses eCCRIS, alamat e-mel yang digunakan dan tukar Kata Laluan [panjang kata laluan hendaklah minimum 10 karakter, yang mengandungi gabungan huruf besar (A-Z), huruf kecil (a-z), angka (0-9) dan karakter istimewa "~!@#\$\$%^&*()_+”

- (ii) Klik butang “Hantar”




1.4. Pada skrin “Tetapan Keselamatan”

- (i) Pilih satu imej keselamatan dan masukkan frasa keselamatan. Pilih soalan keselamatan dan berikan jawapan bagi setiap soalan keselamatan yang dipilih
- (ii) Klik butang “Hantar”



- 1.5. Setelah mengisi semua maklumat yang diminta, satu mesej pengesahan penerimaan akan dipaparkan




S2. Saya telah mengaktifkan eCCRIS saya. Bagaimanakah cara untuk mendapatkan laporan CCRIS saya?

2.1. Sila ikuti arahan berikut:


- (i) Log masuk ke alamat <https://eccris.bnm.gov.my>
- (ii) Masukkan ID Pengguna (seperti yang dipilih oleh pengguna)
- (iii) Klik butang "Seterusnya"



2.2. Sekiranya imej dan frasa keselamatan sama seperti imej dan frasa keselamatan yang dipilih oleh pengguna, klik butang “Ya” untuk langkah seterusnya.




2.3. Masukkan kata laluan dan klik butang “Log Masuk”




2.4. Sekiranya berjaya log masuk, laman utama eCCRIS akan dipaparkan



2.5. Untuk mendapatkan laporan CCRIS, pilih “CARIAN”, kemudian klik “Carian Sendiri – Individu”




2.6. Nyatakan persetujuan anda terhadap kenyataan Penafian, dengan menanda kotak “Saya Setuju”. Seterusnya, klik butang “Carian Laporan”




S3. Bagaimanakah cara untuk saya muat turun/simpan salinan laporan CCRIS?

3.1. Semasa laporan tersebut dipaparkan pada skrin, klik butang “Muat turun”

3.2. Kotak mesej akan dipaparkan. Klik butang “Muat turun” untuk muat turun laporan tersebut




3.3. Klik “Open” untuk melihat laporan atau Klik “Save” untuk menyimpan salinan laporan di tempat simpanan anda sendiri




3.4. Laporan yang telah dimuat turun akan disimpan dalam Portable Document Format (PDF) dan dilindungi oleh kata laluan seperti berikut:

- Tarikh carian laporan (contoh: 30Oct2018, 10Feb2018)
- Tiga (3) aksara pertama ID Pengguna anda (**Ahmad, Hanafi**)
- Contoh: 30Jan2018Ahm, 10Feb2018Han

Selepas memasukkan kata laluan, klik butang OK untuk membuka laporan. Anda memerlukan perisian yang boleh membuka fail PDF, untuk melihat semula laporan yang telah disimpan.



Contoh: Laporan CCRIS yang telah disimpan yang dilihat semula menggunakan perisian Adobe Reader



S4. Saya mendapati terdapat kesilapan maklumat dalam laporan kredit (contoh: ejaan nama, tarikh lahir, status pending verification) seperti dilaporkan oleh institusi kewangan. Bagaimanakah cara untuk saya membuat pengesahan data melalui eCCRIS?


4.1. Untuk mengesahkan profil dan melaporkan pertikaian, klik butang “Sahkan”

The screenshot displays the eCCRIS interface for a user named 'Sahlan'. The main content area shows a credit report with the following data:

No	Tarikh Keluaran / Status	Kategori / Nama	Penyedia / Agensi	Alamat / Bilangan	Nombor / Identifikasi	Jumlah / Nilai	Tarikh / Masa	HSR / Jumlah	Jenis / Status	Tarikh / Masa	Antara / Perincian	Antara / Perincian	Status / Keterangan	Tarikh / Masa
1	31/12/2016	Belum selesai	MAHBANK	14002	12345678901234567890	1,234.567	31/12/2017	1,234.567	Bulan	0	0	0	Kibaratapan	25/09/2008
2	31/12/2016	Belum selesai	MAHBANK	14002	12345678901234567890	1,234.567	31/12/2017	1,234.567	Bulan	0	0	0	Kibaratapan	25/09/2008
3	06/09/2017	Disahkan	OCBC	14002	36072110	12,819								

At the bottom right of the report area, there is a red arrow pointing to the 'Sahkan' button. Other buttons visible include 'Nota Keterangan', 'Masuk', and 'Tutup'.

4.2. Pilih maklumat yang dipertikaikan dan klik butang “Seterusnya”



4.3. Pada skrin “Pengesahan Data – Permohonan”, sila lengkapkan maklumat yang dipertikaikan dan klik butang “Simpan” untuk disimpan sebagai draf atau klik butang “Hantar” untuk menghantar pertikaian tersebut bagi tindakan lanjut.

(i) Pengesahan Data – Profil Peminjam

Penting: Sila kemukakan maklumat lengkap/dokumen sokongan seperti Salinan Mykad, surat daripada JPN yang berkaitan dan sebagainya (Kotak – Tambah Lampiran). Maklumat yang tidak lengkap boleh menyebabkan kelewatan mendapat maklum balas.

Pengesahan Data - Permohonan

Sekyen

Kategori *

Medan Ditemak * (Sila tandai (*) di dalam kotak untuk menandakan medan yang perlu pengesahan)

Profil Peminjam

Sila Pilih

Sila Pilih	Medan	Nilai	Catatan
<input type="checkbox"/>	Nama Peminjam	LOKE JEE ANN	
<input type="checkbox"/>	Nombor ID 1	80810018871	
<input type="checkbox"/>	Nombor ID 2		
<input type="checkbox"/>	Nombor ID 3		
<input type="checkbox"/>	Nombor ID 4		
<input type="checkbox"/>	Tarikh Lahir / Pendaftaran	29-05-1988	
<input type="checkbox"/>	Warganegara	MY	
<input type="checkbox"/>	Amaran	Pandang Vertikal	

Catatan

Tinggi 4000000000


Tambah Lampiran Maksimum (SMR)

Simak | Print out | Batal


Syarat Penggunaan | Kamajuan Proses | Dasar Keselamatan | Penafian | © 2017 Bank Negara Malaysia 2017. Hak Cipta Terpelihara.

(ii) Pengesahan data – Maklumat akaun (Kredit Belum Jelas/Akaun Di bawah Pemerhatian Khas/Permohonan Untuk Kredit)

Penting: Sila kemukakan maklumat lengkap/dokumen sokongan seperti surat pelepasan, surat daripada institusi kewangan dan sebagainya (Kotak – Tambah Lampiran). Maklumat yang tidak lengkap boleh menyebabkan kelewatan mendapat maklum balas daripada Institusi Kewangan berkenaan.




- 4.4. (i) Mesej pengesahan penerimaan akan dipaparkan.
 (ii) Anda akan diberitahu melalui E-mel Pemberitahuan – Permohonan Pengesahan Data telah dihantar




Nota:

- (i) Pengesahan data profil peminjam akan dihantar kepada BNM.
- (ii) Pengesahan data maklumat akaun akan dihantar kepada Institusi Kewangan yang berkenaan.

4.5. Untuk menyemak status pengesahan data, sila pilih “PERMOHONAN SAYA”.
Skrin berikut akan dipaparkan:



4.6. Sila isi maklumat dan klik butang “Carian”




Nota:

Kebiasaannya, pengguna akan mendapat maklum balas dalam masa 14 hari.

S5. Saya terlupa ID Pengguna dan kata laluan. Bagaimanakah saya boleh akses semula ke eCCRIS?

5.1. Pilih “Lupa ID Pengguna atau Kata Laluan?”





5.2. Skrin di bawah akan dipaparkan


- (i) Pilih “Kewarganegaraan” anda (contoh: Malaysia)
- (ii) Sila masukkan nombor ID (12 digit Mykad/nombor Kad Pengenalan atau nombor pasport)
- (iii) Klik butang “Hantar”

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Lupa ID Pengguna/Kata Laluan

Lupa ID Pengguna/Kata Laluan
Sila masukkan Kewarganegaraan dan Nombor ID anda-

Kewarganegaraan *  

Nombor ID * 

Syarat Penggunaan Kenyataan Privasi Dasar Keselamatan Penafian © 2017 Bank Negara Malaysia 2017. Hak Cipta Terpelihara

5.3. Skrin berikut akan dipaparkan. Sila jawab “Soalan Keselamatan”. Kemudian klik butang “Hantar”

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Lupa ID Pengguna/Kata Laluan

Pengesahan Keselamatan
Sila jawab Soalan Keselamatan berikut:-

Soalan Berapa bilangan bilik tidur di rumah anda?


Jawapan *

Syarat Penggunaan Kenyataan Privasi Dasar Keselamatan Penafian © 2017 Bank Negara Malaysia 2017. Hak Cipta Terpelihara

Nota:


Sekiranya pengguna tidak dapat menjawab soalan keselamatan dengan betul, sila pergi ke soalan berikutnya sehingga pengguna dapat menjawab soalan keselamatan dengan betul atau sehingga semua soalan keselamatan telah dipaparkan (maksimum tiga (3) soalan keselamatan).

- 5.4. Setelah pengesahan berjaya, skrin di bawah akan dipaparkan. Klik butang “Memohon TAC”. Nombor TAC akan dihantar ke telefon mudah alih anda yang telah didaftarkan.




The screenshot shows the Bank Negara Malaysia eCCRIS interface. At the top, the logo and name 'BANK NEGARA MALAYSIA' are visible. Below the header, there is a red text prompt: 'Lupa ID Pengguna/Kata Laluan'. The main content area is a grey box titled 'Pengesahan TAC'. Inside this box, it says 'Sahkan ID Pengguna anda dan mohon TAC:-'. There are two input fields: 'ID Pengguna' with the value 'Shuhaila' and 'TAC *' which is empty. To the right of the 'TAC *' field is a blue button labeled 'Memohon TAC', which is highlighted with a red arrow. Below the input fields are two buttons: 'Hantar' and 'Batal'. At the bottom of the page, there is a footer with links for 'Sistem Pengurusan', 'Kenyataan Privasi', 'Dasar Keselamatan', and 'Peraturan', along with a copyright notice for 2017 Bank Negara Malaysia and social media icons.

- 5.5. Mesej pengesahan penerimaan akan dipaparkan.
- (i) Sila masukkan nombor TAC yang telah dihantar ke telefon mudah alih anda
 - (ii) Klik butang “Hantar”




5.6. Sekiranya jawapan kepada semua soalan keselamatan adalah salah, skrin berikut akan dipaparkan.



S6. Akaun saya telah disekat. Bagaimanakah cara untuk saya mengaktifkan semula akaun?

6.1. Klik 'Mengaktifkan Semula Akaun'



6.2. Skrin berikut akan dipaparkan.

- (i) Masukkan ID pengguna (seperti yang anda pilih)
- (ii) Klik butang "Hantar"

BANK NEGARA MALAYSIA
Bank Negara Malaysia

Mengaktifkan Semula Akaun

Mengaktifkan Semula Akaun
Sila masukkan ID Pengguna anda:-
ID Pengguna *

Syarat Penggunaan Kenyataan Pribadi Dasar Keselamatan Perlesenan © 2017 Bank Negara Malaysia 2017. Hak Cipta Terpelihara.

Skrin berikut akan dipaparkan:

BANK NEGARA MALAYSIA
Bank Negara Malaysia


Mengaktifkan Semula Akaun

Pengesahan Keselamatan
Sila jawab Soalan Keselamatan berikut:-
Soalan Siapa nama ibu anda?
Jawapan *

Syarat Penggunaan Kenyataan Pribadi Dasar Keselamatan Perlesenan © 2017 Bank Negara Malaysia 2017. Hak Cipta Terpelihara.

Nota:


Sekiranya pengguna tidak dapat menjawab soalan keselamatan dengan betul, sila pergi ke soalan berikutnya sehingga pengguna dapat menjawab soalan keselamatan dengan betul atau sehingga semua soalan keselamatan telah dipaparkan (maksimum tiga (3) soalan keselamatan).



Sila ikuti arahan yang sama bagi Lupa ID Pengguna atau Kata Laluan (rujuk Soalan 5)

S7. Saya merupakan wakil yang diberi kuasa oleh syarikat. Bagaimanakah cara untuk saya mendapatkan laporan kredit syarikat itu?

Sila ikuti arahan yang sama seperti arahan untuk mendapatkan laporan CCRIS carian sendiri (rujuk Soalan 2)



S8. Saya merupakan wakil yang diberi kuasa oleh syarikat. Bagaimanakah cara untuk mengemukakan pertikaian/pengesahan profil syarikat (contoh: ejaan nama, tarikh pendaftaran dan status pending verification)/rekod seperti yang terdapat dalam laporan CCRIS?

Sila ikuti arahan yang sama seperti arahan untuk mendapatkan laporan CCRIS carian sendiri (rujuk Soalan 4)

S9. Saya terlupa soalan keselamatan saya, dan/atau jawapan kepada soalan keselamatan. Bagaimanakah cara untuk saya mengaktifkan semula akaun eCCRIS?

Anda perlu hadir sendiri di premis-premis BNM (BNMLINK Kuala Lumpur atau Pejabat-pejabat BNM) atau cawangan AKPK dan aktifkan semula akaun di KIOS atau dapatkan bantuan daripada pegawai di Kaunter.

S10. Bolehkan saya mewakilkan orang lain untuk membuat pendaftaran eCCRIS bagi pihak saya?

Tidak boleh. Anda perlu hadir sendiri di premis BNM atau cawangan AKPK untuk pendaftaran kali pertama. Anda hendaklah sentiasa berhati-hati apabila ingin berkongsi maklumat perbankan peribadi anda dengan pihak ketiga.

S11. Saya ingin mendapatkan penjelasan mengenai laporan CCRIS melalui telefon. Adakah BNM boleh membantu saya?

Sila hubungi terus institusi kewangan yang berkenaan.

S12. Saya telah mengemukakan pertikaian/permohonan pengesahan data kepada institusi kewangan melalui eCCRIS. Bilakah pihak institusi kewangan akan memberikan jawapan?

Kebiasaannya, pihak institusi kewangan mengambil masa sehingga 14 hari untuk memberikan maklum balas bagi pertikaian yang dikemukakan oleh pengguna.

S13. Bilakah waktu operasi eCCRIS?

Waktu operasi eCCRIS adalah dari 6:00 pagi – 12:00 tengah malam, Isnin hingga Jumaat (kecuali cuti umum)

S14. Siapakah yang boleh saya rujuk sekiranya terdapat soalan lanjut berkaitan penggunaan eCCRIS?

Anda boleh menghubungi Pusat Hubungan kami, BNMTELELINK di 1-300-88-5465 atau 603-2174 1717 (luar negara), semasa waktu operasi mulai 9:00 pagi – 5:00 petang, Isnin hingga Jumaat (kecuali cuti umum).